

Pengimarahen Surau dan Musala Di Sekolah-sekolah KPM dan Implikasinya Terhadap Komuniti

Prospering of Surau and Musala In Public Schools And Its Implications Towards Community

Mazlan bin Ismail¹ & Muhammed bin Yusof²

Terima	Wasiat	Muat Naik e-Jurnal
25 JUN 2018	10 OKTOBER 2018	27 NOVEMBER 2018

ABSTRAK

Tujuan utama pembinaan surau dan musala di sekolah-sekolah Kementerian Pendidikan Malaysia(KPM) adalah untuk menjadi pusat sehenti (one stop center) dengan pengisian program kerohanian dan pembentukan budi pekerti yang mulia dalam kalangan pelajar Islam. Penggunaan surau dan musala terbuka kepada semua warga sekolah dan juga komuniti sekelilingnya. Pentingnya akhlak yang sempurna dan jiwa yang mantap kepada pelajar Islam, maka pendidikan rohani harus diperketatkan, keceriaan fizikal diperkasakan dan pengurusan yang lebih sistematik dipertingkatkan serta diberikan perhatian yang khusus oleh pelajar dan pentadbir sekolah. Metodologi yang digunakan ialah melalui pemerhatian, temu bual dan dokumentasi. Kajian deskriptif telah dijalankan bagi membolehkan penyelidik mendapat gambaran superfisial tentang sesuatu fenomena. Dapatan kajian menunjukkan bahawa pelaksanaan program pengimarahen surau dan musala di sekolah-sekolah KPM telah mencetuskan kolabaratif yang baik di antara kalangan pendidik dan komuniti luar. Artikel ini membincangkan pendekatan yang diambil oleh Kementerian Pendidikan Malaysia di bawah Sektor Pembangunan Akhlak dan Syiar Islam, Bahagian Pendidikan Islam (BPI) iaitu menganjurkan Anugerah Surau Imarah Sekolah-sekolah (ASISS), Kementerian Pendidikan Malaysia, Peringkat Kebangsaan yang menjelaskan sejauhmanakah pengimarahen surau dan musalla dalam sekolah-sekolah KPM dan implikasinya kepada komuniti.

Kata Kunci: *Pengimarahen, Sekolah-sekolah KPM, ASISS*

ABSTRACT

The main purpose of building "surau" and "musalla" in the schools of the Ministry of Education Malaysia (MOE) is to make it as a 'stop center' with the completion of a spiritual program and the establishment of noble character amongst Islamic students as well as its open use for school and community around. Polemics about seeing the perfect morals and the vitality of the souls in Islamic students then spiritual education should be intensified, physical fitness enhanced and management that needs to be managed more systematically by students and administrators of a school. The methodology of the study is to use qualitative methods based on interviewing techniques, observations and documentation. Descriptive studies have been conducted to enable researchers to get a superficial picture of a phenomenon. The findings show that the implementation of the surau and musala prayer program at MOE schools has sparked good collaboration among educators and outside communities. To bring

¹ Calon Ph.D, Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, mazana8910@gmail.com.my

² Pensyarah di Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan. Akademi Islam, Universiti Malaya, dan merupakan Ketua Jabatan di jabatan tersebut, my77@um.edu.my

about solutions, the article discusses the approach adopted by the Ministry of Education under the Islamic Development and Moral Development Sector, Islamic Education Division (BPI) which is organizing the School of Surau Imams Award (ASISS), Ministry of Education, Malaysia The nationality explains the extent to which the surau and musalla are in the MOE schools and its implications on community.

Keywords: *Prospering, Schools of the Ministry of Education(MOE), ASISS*

Pendahuluan

Kedapatan pada hari ini, kebanyakan surau dan musala bagi sekolah-sekolah Kementerian Pendidikan Malaysia telah mempunyai kemudahan bagi tujuan ibadah dan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam. Surau sekolah memiliki falsafah yang tersendiri bagi warga sekolah walaupun binaannya agak kecil berbanding sebuah masjid tetapi fungsinya amat besar dalam konteks pengimarahkan dan pengukuhan hubungan di antara hamba dengan penciptanya serta hubungan manusia sesama persekitaran. Ia merupakan lambang syiar agama Islam di kawasan sekolah dan pusat nadi yang terpenting dalam pembentukan akhlak mulia masyarakat pelajar Islam itu sendiri.

Bahkan surau memiliki kekuatan sebagai tapak pencambahan ilmu bagi mempertingkatkan fahaman mereka tentang Pendidikan Islam yang melibatkan teori dan amali. Sebagai contoh, pemupukan budaya solat secara berjemaah seharusnya diterapkan secara istiqamah di dalam jiwa anak-anak Islam agar apabila kembali ke rumah mereka akan bersama-sama dengan keluarga melakukan solat berjemaah tanpa paksaan. Kesan yang terbit melalui amalan sedemikian adalah melahirkan anak murid yang memiliki jiwa yang tenang dan senantiasa ingin melakukan kebaikan.

Jika diperhatikan tentang suasana sebegini, maka akan timbul persoalan, adakah surau dan musalla di sekolah-sekolah Kementerian Pendidikan Malaysia benar-benar telah diimarahkan oleh pihak pentadbir dan tenaga pengajar dalam mencapai tali ukuran yang sebenar iaitu kejituan di dalam pengamalan seharian dalam bentuk ibadah kepada Allah S.W.T? Atau sekadar ingin memperlihatkan keadaan surau yang kecil saiznya dan musala yang gah dengan fizikalnya yang besar lagi mengagumkan apabila dilihat? Ataupun mahu mempertunjukkan keadaan surau dan musala yang mengalami perubahan melalui inovasi yang menakjubkan?

Pengimarahkan Surau Dalam Islam

Pengimarahkan surau di dalam Islam merupakan suatu ibadat dan amalan yang mulia di sisi Allah S.W.T. Usaha sebegini menampakkan kesungguhan seseorang hamba di dalam meningkatkan imej surau sebagai rumah ibadah yang bukan sahaja untuk melakukan solat berjemaah bahkan merapatkan hubungan silaturahim dan kasih sayang sesama umat Islam melalui program keagamaan yang dianjurkan.

Ini dibuktikan melalui ayat di dalam al-Qur'an yang menyentuh tentang perintah Allah S.W.T agar mengimarahkan rumah-rumah Allah. Antara ayat-ayat tersebut ialah firman Allah S.W.T:

dialah yang layak memakmurkan masjid-masjid. Bukanlah yang tidak memiliki sifat-sifat ini adalah mereka yang tidak memakmurkan masjid, bahkan sebenarnya di dalamnya juga boleh dilakukan perbuatan zakat dan solat. Perasaan takut kepada Allah S.W.T adalah faktor terbesar dalam menyakini keimanan kepada Allah.

Manakala al-Thabarī (1999) pula berpendapat bahawasanya yang memakmurkan masjid-masjid Allah adalah mereka yang membenarkan keEsaan Allah S.W.T dan ikhlas di dalam ibadah. Ia juga membenarkan dengan hari kebangkitan iaitu orang yang mati

dihidupkan semula daripada kubur mereka pada hari kiamat, mendirikan solat yang difardhukan mengikut masa yang tertentu dan memberi zakat hartanya kepada sesiapa yang berhak menerimanya. Maka mereka akan peroleh hidayah Allah yang sebenarnya. Selain itu, Allah S.W.T juga telah memberitahu menerusi ayat ini dengan menyatakan mereka yang memakmurkan masjid-masjid Allah adalah mereka yang beriman kepada Allah dengan keyakinan yang teguh terhadap keEsaan Allah dan hari akhirat, mereka juga memberi zakat kepada yang berhak menerimanya serta tidak takut terhadap makhluk melainkan Allah S.W.T. Apabila mereka melakukan demikian maka sesungguhnya mereka adalah golongan yang mendapat hidayah petunjuk Allah S.W.T. (Syeikh al-Thāifah al-Thūsi, 1965)

Pada pandangan yang lain, al-Rāzī (2002) menyatakan bahawa tidak boleh tidak sesiapa yang beriman kepada Allah dan Hari Kiamat hendaklah mereka menjadikan masjid sebagai tempat melakukan ibadat kepada Allah di dalamnya, maka sesiapa yang tidak beriman kepada Allah, dilarang menjadikan masjid sebagai tempat penyembahan mereka. Seterusnya mereka yang beriman kepada Allah dan Hari Akhirat hendaklah menyibukkan diri dengan melakukan pelbagai ibadat kepada Allah demi mendapat kebaikan atau faedah di Hari Kiamat.

Selanjutnya menurut al-Qhurtubī (2013) pengimarah masjid merupakan dalil di atas penyaksian keimanan yang sebenar. Ia juga membawa maksud masjid adalah tempat untuk melakukan solat di dalamnya, membersihkannya dan memelihara kesejahteraannya. Sesungguhnya masjid itu dibina di atas suruhan melarang melakukan perbuatan yang bukan berbentuk ibadah. Masuk ke dalamnya untuk menyatakan kalimah-kalimah yang baik dan bukannya berbaur keduniaan. (Fakhr al-Dīn Muḥammad, 2000)

Di samping itu, menurut Sayyid Quṭb (1954) pengimarah membawa makna tidak takut yang lain melainkan Allah S.W.T melalui keimanan secara batin dan melakukan amalan secara zahirnya. Maka tidak boleh tidak hendaklah ia terhindar daripada sebarang bentuk syirik yang nyata atau tersembunyi. Di saat orang-orang beriman berusaha memakmurkan masjid maka ia juga mengharapkan hidayah Allah S.W.T.

Pada pendapat yang lain, al-Alūsī (1997) membawa maksud pengimarah masjid kepada sebarang bentuk pemakmuran dari sudut membangunkannya, membersihkannya dan menghiasinya dengan permadani yang tidak mengganggu mereka yang sedang menunaikan sembahyang. Di dalamnya hendaklah senantiasa melakukan ibadah, berzikir dan mempelajari ilmu syariah. Selain itu, mereka yang memakmurkan masjid-masjid Allah adalah mereka yang beriman kepada Allah yang Maha Esa dan membenarkan terhadap hari kebangkitan dan pembalasan, menunaikan solat yang ditentukan, mengeluarkan zakat dengan harta-harta mereka dan tidak takut melainkan Allah yang Maha Esa serta mereka mengharapkan agar mereka menjadi di sisi Allah daripada golongan yang mendapat hidayah kepada jalan yang benar. (Jumhūriya Masr al-Arabiyyāh, t.t).

Secara ilmiahnya, kemakmuran dan pengimarah masjid bukan sahaja diperkatakan tentang definisinya dan kerahsiaannya dalam kalangan para mufāsirīn dan ulama terkenal di masa dahulu bahkan diharmonikan lagi melalui kata-kata dari para ilmuan Islam masa kini. Ia seiring dengan pandangan Nik Azis (2007) yang menyuarakan bahawa pengimarah masjid bererti menjalankan aktiviti keagamaan dan keduniaan yang dapat mendekatkan diri dan hati manusia kepada Allah S.W.T dan meningkatkan pembangunan masyarakat Islam yang bertamadun tinggi. Masjid dibangunkan sebagai tempat untuk kaum muslimin berzikir kepada Allah, melaksanakan kewajiban-kewajibannya kepada Allah, mengangkat syiar-syiar

Islam, berkumpul dalam ketaatan kepada Allah S.W.T dan membela agamaNya. (Yusuf Al-Qaradhawi, 2000)

Namun begitu, Mohd Gunawan (2008) berpendapat masjid dimakmurkan dengan roh. Roh masjid bukan pada kehebatan binaannya dan banyaknya kemudahan di dalamnya, tetapi roh masjid ini akan gemilang dan terbilang hanya apabila dimakmurkan dengan amalan-amalan. Masjid tidak akan benar-benar dapat dimakmurkan jika hanya menunggu masa lapang untuk memakmurkannya. Membangunkan masjid hendaklah dengan niat yang ikhlas dan mengharapkan pahala dan balasan Allah S.W.T semata-mata keranaNya. Namun jika niat tidak baik akan menjadikan masjid dicemari oleh kegiatan-kegiatan yang jauh dari tuntutan agama. (Budiman Mustofa, LC. dan Nurul Chatimah, 2007)

Manakala Said (2010) memberi pandangan bahawa pengimarahannya adalah menjaga kebersihan, melengkapi kemudahan dan prasarannya. Di dalamnya dibangunkan solat secara berjemaah, belajar dan mengajar ilmu-ilmu yang bermanfaat. Kesemua ibadat ini dilaksanakan dengan penuh keikhlasan dan mencari keredhaan Allah S.W.T. Selanjutnya pembinaan masjid-masjid dalam Islam adalah rumah-rumah untuk pembinaan jiwa, pengembangan mental, pusat pendidikan yang benar, tidak mengenal kebatilan dan tidak condong kepada kejahatan. (Mohamad Fauzie, 1992)

Pendek kata, menurut Mohd Junaidi (1995) memakmurkan masjid adalah bukan memperindah struktur masjid, tetapi mengikat hati kaum muslimin kepada masjid agar ia giat melakukan ibadah, namun semuanya haruslah berlandaskan taqwa kepada Allah. Pembinaan masjid dapat membolehkan umat Islam melakukan solat lima kali sehari semalam ditunaikan secara berjemaah. (Shaikh Ali, 1997) Kesimpulannya, golongan ilmuwan berpendapat pembinaan rumah-rumah ibadat ini adalah untuk mendekatkan diri dan jiwa mereka sebagai hamba kepada penciptaNya melalui amalan ibadat wajib dan sunat demi mencari ketenangan jiwa, ketaqwaan dan keredhaan Allah S.W.T.

Pengimarahannya Surau dan Musala Bagi Sekolah-sekolah Kementerian Pendidikan

Jika diimbangi kembali bahawa suasana surau dan musala di sekolah-sekolah KPM memang nampak agak suram dan lesu daripada sudut aktiviti program terutamanya pengisian rohani untuk pelajar-pelajar Islam. Lebih-lebih lagi keadaan fizikal yang tidak terurus juga menampakkan imej bagi sesebuah surau dan musala. Namun pada hari ini ia telah menampakkan dengan suasana di dalamnya yang kondusif, selesa dan penuh dengan inovasi yang telah berjaya menarik jiwa anak-anak Islam untuk bersama-sama para pendidik merapatkan diri dengan pencipta yang Maha Agung iaitu Allah Subhanahuwataalla terutamanya menerusi solat secara berjemaah.

Di dalam arus pembangunan pendidikan, surau dan musala bagi sekolah-sekolah KPM mempunyai peranan yang tersendiri terutama dalam pembentukan suasana *diniah* yang sempurna dan harmoni di sekolah. Ia merupakan lambang agama di dalam kawasan sekolah, bahkan pelbagai bentuk pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam dan matapelajaran yang lain juga telah dijalankan di dalamnya. Justeru itu, ia dijadikan satu pusat sehati dan tempat percambahan ilmu bagi semua pelajar dan warga sekolah. (Mohd Najib, 2018)

Polimek tentang pengimarahannya surau dan musala di sekolah-sekolah KPM ini, maka ia telah dikupas dengan baik dan jelas daripada kalangan pihak pendidik dan pegawai atasan

sama ada di peringkat Bahagian Pendidikan Islam, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) dan Pejabat Pendidikan Daerah (PPD). Perkara ini sebagaimana dinyatakan oleh Mazlan (2017) iaitu pengimarahannya musala dan surau merupakan salah satu usaha KPM dalam merealisasikan perkembangan syiar Islam dan menanamkan semangat dan mendidik pelajar Islam agar mengikut gaya hidup baginda S.A.W yang sentiasa mendekatkan diri dengan rumah Allah Subhanahuwataalla.

Di samping itu, menurut Shafie (2017) kemudahan surau ini membolehkan pelajar-pelajar Islam menunaikan tanggungjawab mereka sebagai seorang muslim di samping melakukan aktiviti-aktiviti keagamaan di surau. Apa yang penting, visi dan misi KPM adalah untuk menerapkan jiwa semua murid agar mendekati surau terutamanya tentang konsep sembahyang berjemaah. Ia berbeza dengan pendapat Zarina (2017) yang menyatakan konsep pengimarahannya surau yang sebenarnya lebih kepada hala tuju surau itu sendiri. Sama ada ingin menjadikan surau itu seperti sarang atau ke arah kemenjadian murid. Seterusnya, ia hendaklah lebih menyeluruh bukan sahaja dalam bentuk keagamaan, bahkan memartabatkan surau dengan tujuan yang sama iaitu mengerakkan atau menghidupkan suasana di masjid atau surau dengan kegiatan yang berfaedah.

Walaupun begitu, Mohamad Muis (2017) menambah bahawa kemudahan surau dan musala yang mengagumkan dan suasana yang harmoni telah menyebabkan pelajar-pelajar beragama Islam berasa seronok untuk mengikuti pengajaran dan pembelajaran yang dijalankan di dalamnya. Lebih-lebih lagi terhadap subjek Pendidikan Islam yang membolehkan guru-guru pendidikan Islam melaksanakannya dengan lebih sempurna.

Hakikatnya, ia seiring dengan pandangan Bahagian Pendidikan Islam (BPI), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) menyatakan bahawa pelaksanaannya bukan tempat melaksanakan ibadah solat semata-mata sama ada secara individu atau berjemaah tetapi ia berfungsi sebagai pusat kegiatan Pendidikan Islam. (Abd. Rahman, 2018) Malahan, pengurusan surau yang lebih sistematik bahkan berkualiti diwujudkan bagi memperlihatkan pelbagai program aktiviti yang diaturkan berjalan dengan lebih baik seperti cara beristinjak, membersihkan diri, pakaian dan tempat dari najis, berwuduk, bertayamum, azan, iqamah, solat fardhu dan solat jenazah. Dari situlah melahirkan golongan pelajar yang memahami, menghayati Islam secara menyeluruh atau pun secara syumul dalam kehidupan seharian mereka dan memberi manfaat serta impak yang besar kepada pelajar-pelajar.

Secara umumnya, pengimarahannya surau dan musala bagi sekolah-sekolah KPM dapat dirumuskan seperti berikut:

1- Pengimarahannya melalui aktiviti kerohanian

Diketahui umum bahawa apabila menjalankan pengimarahannya rumah ibadah ini seharusnya pembangunan rohani diberi perhatian yang lebih, bahkan dituntut ke atas setiap muslim yang ingin senantiasa hatinya berhubungan dengan Allah S.W.T. Menurut Mohd Ali Hashimi (1992) sesungguhnya muslim yang sebenarnya adalah memelihara dirinya, membangunkan jasmani dan akalnya. Namun seorang muslim mestilah memahami dan menyedari bahawa dirinya mempunyai hati yang berdenyut, roh yang merindu, jiwa yang sensitif dengan berbagai keinginan yang tinggi, mendorongnya untuk menyelami lautan ibadat, mendesaknya untuk mencari dan menghadapkan nikmat dan kesenangan yang ada di sisi Allah S.W.T dan takut kepada balasanNya.

Sehubungan dengan itu, salah satu usaha Kementerian Pendidikan Malaysia adalah menjadikan mata pelajaran Pendidikan Islam sebagai teras pemupukan keimanan dan akhlak yang memberi penekanan ke arah pembinaan Insan Soleh. Kurikulum Pendidikan Islam disusun mengikut pendekatan Islam sebagai satu cara hidup yang komprehensif yang dapat menyelesaikan semua masalah umat manusia. Pendidikan Islam menjadi subjek teras yang mesti dipelajari oleh semua pelajar Islam dan diwajibkan lulus dalam Penilaian Asas Fardhu Ain. Kesemuanya ini dipelajari di dalam bilik darjah dan sering kali dilakukan di surau dan musalla sesebuah sekolah. (Kementerian Pendidikan Malaysia, 1994)

Rentetan daripada ini, kita telah diperlihatkan dengan tindakan pihak sekolah melaksanakan aktiviti-aktiviti dengan mengikut garis panduan atau modul pelaksanaan dengan jayanya dan berkesan. Jika dilihat kepada unjuran program aktiviti kokurikulum Pendidikan Islam, kebanyakannya dilaksanakan di surau atau musala sekolah-sekolah KPM. Program aktiviti-aktiviti sebegini akan menghidupkan lagi suasana surau atau musala yang agak suram dan lesu dari segi program dan pengurusan yang harus dijalankan secara profesional. Untuk melihat surau dan musala yang baik dan sempurna dari pelbagai sudut maka usaha mengadakan Program Anugerah Surau Imarah Sekolah-sekolah KPM (ASISS) yang dipertandingkan setiap tahun telah memberi impak yang besar kepada pihak sekolah dan pelajar-pelajar yang bukan beragama Islam bahkan lebih-lebih lagi ke atas diri pelajar Islam itu sendiri. (Bahagian Pendidikan Islam, 2016)

Maka pendapat ini turut disokong oleh Rooslina (2017) yang menyatakan pengimaran rumah ibadah ini sebenarnya boleh melahirkan murid yang memenuhi ciri-ciri yang dikehendaki, beretika, bersahsiah, mempunyai nilai-nilai positif dalam hadapi cabaran masa kini. Surau juga dapat melahirkan murid-murid yang mempunyai jati diri yang tinggi, bersahsiah dan mempunyai nilai-nilai murni. Surau adalah tempat menjalankan aktiviti yang dapat meningkatkan jati diri murid. (Norazmi, 2017) Agama itu sendiri telah lengkap, maka dari suraulah dilakukan segala aktiviti agar murid menjadi lebih baik dan sebagainya. (Safuan, 2017)

Jika diperhalusi berasaskan ilmu yang diperolehi oleh pelajar melalui pengajaran yang hadir daripada tenaga pengajar, sesungguhnya ia telah membentuk sikap yang sopan dan akhlak yang mulia lagi terpuji dalam kalangan pelajar itu sendiri. Namun begitu dalam artikel ini, kajian penyelidikan adalah merujuk kepada aktiviti ibadat dan ilmu yang telah dan sedang dilaksanakan di sekolah-sekolah KPM iaitu merangkumi aktiviti-aktiviti berikut:

- 1- Solat Fardhu Berjemaah
2. Kuliah Ringkas / Ta'lim / Tazkirah
3. Majlis Bacaan Yasin & Tahlil
4. Usrah / Halaqah Ilmu
5. Solat Sunat Dhuha
6. Solat Sunat Hajat
7. Gotong Royong
8. Penerbitan Risalah
9. Qiamullail
10. Awal Muharram / Maal Hijrah
11. Maulidur Rasul
12. Isra' dan Mikraj
13. Nisfu Sya'ban
14. Ihya' Ramadhan
15. Nuzul al-Quran

16. Idul Fitri
17. Idul Adha
18. Tadarus Al-Quran
19. Majlis Khatam Al-Quran
20. Kem Bestari Solat (SR) / Khemah Ibadah (SM)

Secara terperinci dalam sudut tarbiah, aktiviti-aktiviti yang dinyatakan di atas merupakan *wasā'il tarbiah rūhhiyah dan aqliyah* yang dapat merealisasikan objektif pengimarah surau dan musala di sekolah-sekolah KPM. Suatu yang diharapkan adalah aktiviti-aktiviti seumpama ini dapat dijalankan secara berterusan dalam kalangan pelajar-pelajar KPM, bahkan biarlah ia berubah menjadi amalan-amalan yang disukai dan akhirnya ia akan membentuk tabiat pengamalan mereka dalam kehidupan seharian. Sesungguhnya program kerohanian merupakan aktiviti-aktiviti yang lebih kepada keagamaan yang mampu membina jati diri yang mantap dalam kalangan pelajar di sekolah sekiranya dilaksanakan sejajar dengan keperluan para pelajar.

2- Pengimarah melalui kokurikulum

Bahawasanya selain daripada pengimarah surau dan musala yang kebanyakannya berfokus kepada aktiviti kerohanian, kedapatan juga program kokurikulum yang dijalankan di situ. Ia dilakukan di surau mahupun di musala adalah merupakan program transformasi untuk menanamkan di dalam jiwa anak-anak didik yang beragama Islam agar terus mengunjungi dan mengimarahkan rumah ibadah ini. Seterusnya ia akan memperlihatkan kemenjadian murid terutamanya dalam proses menjadi pelajar yang unggul dari sudut sahsiah dan cemerlang dari sudut akademik. (Mohd Azmi, 2017)

Mengikut pendapat Mat Hanifah (2018) surau sebagai *one stop center* yang menjadi pusat pengajaran dan pembelajaran di sekolah dan sebahagiannya kita dapat lihat guru-guru termasuk yang *non muslim* turut menyukai dan berminat dengan suasana kondusif yang ada di surau dan mereka tidak merasa kekok membawa budak dan pelajar mereka ke surau menjalankan aktiviti P&P, aktiviti riadah, sukan dan sebagainya. Bahkan pendapat ini disokong oleh Ishak (2018) yang menyatakan surau bukan hanya sebagai *one stop center* bahkan menjadi pusat ke arah membangunkan kecemerlangan pelajar.

Dalam fasa ini juga, mengikut pendapat Rasidah (2017) bahawa di surau juga diadakan beberapa ruang sudut bagi membolehkan P&P terus berjalan dengan aktiviti yang berfedah seperti mengadakan permainan kuiz dan aktiviti sukan memanah. Malahan juga guru-guru dapat menyiapkan bahan-bahan atau kajian tindakan mereka di tempat ini. Selain itu, dapat juga dilihat banyak taman-taman dan kemudahan-kemudahan yang dapat digunakan bukan untuk aktiviti keagamaan sahaja, contohnya mengadakan Taman Asma Husna. Ia adalah gabungan daripada beberapa panitia dan kelab yang bertujuan untuk memimba ilmu. (Noraini, 2017)

Walau bagaimanapun, menurut Hasnan (2017) pengimarah itu adalah menjadikan musala sebagai pusat pelbagai aktiviti. Ia bukan sahaja dijadikan tempat aktiviti keagamaan bahkan panitia-panitia akademik juga boleh menggunakan kemudahan surau dan musalla secara menyeluruh melalui kegiatan yang mereka rancang. Umpamanya mengadakan program membaca nilam, kursus pengurusan jenazah, program UPSR Tahun 6 dan sebarang aktiviti yang berbentuk percambahan ilmu dan maklumat. Tambahan daripada itu, program

kepimpinan “Kem Imam Muda” juga diadakan bagi memantapkan kepimpinan surau dan kaedah berdakwah dalam kalangan pelajar Islam itu sendiri. Di samping melakukan aktiviti berbentuk akademik, kawasan sekitar surau juga boleh dijadikan tempat untuk melakukan aktiviti pertanian dan aktiviti perternakan.

3- Pengimarahannya melalui jaringan sesama komuniti

Islam dan penganutnya amat menekankan asas persamaan dalam masyarakat. Oleh itu ia akan mencetuskan hubungan sosial yang harmonis di antara masyarakat muslim, lebih-lebih lagi apabila dilakukan solat secara berjemaah. Sesungguhnya pengimarahannya surau dan musala di sesebuah sekolah selalunya menjalankan aktiviti-aktiviti yang sebagaimana dijalankan di masjid-masjid.

Manakala Arbaenah (2017) pula menegaskan bahawa aktiviti-aktiviti yang dijalankan dapat menjalinkan hubungan di antara pihak sekolah dengan komuniti luar. Komuniti luar selalunya melibatkan tenaga pengajar daripada sekolah luar yang ingin meminta bantuan daripada sesebuah sekolah. Umpamanya mengadakan majlis bacaan Yassin dan menghulurkan sumbangan terhadap golongan yang memerlukan. Selain daripada itu, program khidmat masyarakat juga dijalankan bagi merapatkan hubungan di antara pihak sekolah dengan masyarakat di luar seperti sekiranya pihak masjid memerlukan pelajar menyumbang khidmat masyarakat seperti bergotong royong bagi membersihkan persekitaran masjid dan surau. Juga diadakan aktiviti lasak, program rehlah dan lain-lainnya sebagai pelengkap kepada pelajar-pelajar yang ingin cemerlang di dalam akademik dan sahsiah. (Normala, 2018)

Perbandingan Pengimarahannya Masjid Dengan Pengimarahannya Surau Dan Musala Di Sekolah-sekolah KPM

Bahawasanya pengimarahannya masjid, surau dan musala mempunyai pelbagai konsep yang tertentu. Namun apabila dilihat kepada situasi yang sebenar, konsep pengimarahannya ke atas rumah ibadah ini agak sama namun skop pengimarahannya agak berbeza. Ia telah dibahaskan oleh golongan ilmuan dalam menjelaskan persamaan dan perbezaan institusi ibadah ini.

Menurut Mat Hanapiah (2018), institusi masjid lebih besar sebagai pusat ibadah dan ilmu umat Islam termasuk anak Qaryah. Mereka hidup dengan program pengimarahannya sepanjang masa. Namun surau agak terhad. Ia lebih fokus dan terarah kepada murid dan warga sekolah. Manakala konsep pengimarahannya lebih terarah kepada elemen mendidik, melatih murid serta menghidupkan fungsi surau dan musala sekolah yang selama ini agak sepi.

Seterusnya menurut pendapat Shopuan Anuar (2017) pengimarahannya surau dan musalla di sekolah bagai mengurus mini masjid. Masyarakat sekolah agak terhad dan tertutup kepada warga sekolah sahaja. Pengimarahannya di sekolah sebagai latihan sebelum mereka terjun dalam masyarakat sebenar. Mereka boleh membawa idea yang berbagai bahkan diluar kotak. Ia membawa harapan apabila mereka dewasa akan memegang tompok pengurusan masjid sama ada sebagai Nazir atau Ahli Jawatankuasa. Mereka juga boleh menggunakan pengalaman di sekolah untuk mengurus masjid mengikut abad ke 21.

Selanjutnya, Najib (2018) mengatakan bahawa masjid lebih terarah kepada pengimarahannya masyarakat setempat dan tidak tertumpu kepada pendidikan iaitu melibatkan P&P. Manakala musala lebih kepada pendidikan dalam P&P. Bahkan ia mengikut kepada sukatan pelajaran yang ditetapkan oleh KPM. Seterusnya dalam bentuk keceriaan fizikal semestinya surau dan musala sekolah perlu ke arah yang lebih sempurna. Ini kerana setiap unsur bahkan daripada unsur keceriaan dan kebersihan serta pelbagai pengurusan yang lain akan diambil kira terutamanya di dalam mengangkat sebagai surau dan musalla yang terbaik.

Di samping itu juga, Normala (2018) menyatakan program dakwah yang dijalankan di masjid melibatkan masyarakat setempat. Manakala surau dan musala sekolah membuat program yang melibatkan pelajar dan warga sekolah bukan sahaja program dakwah tetapi program yang bersesuaian bagi mengimarahkan musalla sekolah. Kedua-duanya mempunyai konsep yang sama iaitu menitik beratkan imarah batinniyyah dan zahiriyyah. Ia adalah melibatkan pengisian ibadah & aktiviti di samping fizikal menarik, ceria bersih dan pengurusan cemerlang. Cara pesembahan surau dan musallah di sekolah-sekolah berlainan dengan masjid-masjid di luar.

Polemik tentang pengimarahannya masjid dan pengimarahannya surau dan musala di sekolah-sekolah KPM adalah berteraskan kepada matlamat yang satu iaitu mengajak keseluruhan masyarakat setempat dan masyarakat sekolah yang terdiri daripada kelompok bawahan hingga ke peringkat tertinggi ke arah menjadikan rumah ibadah ini sebagai *one stop center* yang perlu diimarahkan dengan pelbagai aktiviti ilmiah dan mewujudkan tautan silaturahim dalam hubungan sesama komuniti.

Implikasi Pengimarahannya Surau Terhadap Komuniti

Jika disorot kembali, pengimarahannya surau dan musala di sekolah telah memaparkan dan mengekalkan ia sebagai sebuah institusi peribadatan yang sempurna dari sudut pelaksanaan program kerohanian dan keceriaan fizikal bagi warga sekolah dan komuniti sekeliling. Situasi sebegini mewujudkan suatu kelompok masyarakat sekolah dan komuniti sekeliling yang hidup dalam suasana harmoni dan sejahtera.

Ini dinyatakan melalui firmanNya:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا إِنَّا جَعَلْنَا لَكُمُ شُرَكَاءَ نِسَاءً لِيَتَذَكَّرَ لَكُمْ وَتَتَذَكَّرُوا وَرِثَةً مِمَّا كَسَبْتُمْ وَأَمْثَلًا لَكُمْ فِي الْأَمْثَالِ

إِنَّا أَنْزَلْنَاهُ فِي لَيْلَةِ الْقَدْرِ وَإِنَّا كُنَّا سَمِيعِينَ غَافِقِينَ

Al-Hujurat(49):13

Terjemahan: Wahai umat manusia, sesungguhnya kami telah menciptakan kamu dari lelaki dan perempuan, dan kami telah menjadikan kamu berbagai bangsa dan bersuku puak, supaya kamu berkenal-kenalan (dan beramah mesra antara satu dengan yang lain). Sesungguhnya semulia-mulia kamu disisi Allah ialah orang yang lebih taqwanya di antara kamu (bukan

yang lebih keturunan atau bangsanya). Sesungguhnya Allah amat mengetahui, lagi amat mendalam pengetahuannya (akan keadaan dan amalan kamu).

Dalam menafsirkan ayat ini, Muḥammad ‘Alī al-Ṣābūnī (1996) menyatakan ia suatu perkhabaran untuk manusia bahawasanya dijadikan mereka dari yang satu, dijadikannya

berpasangan; Adam dan Hawa dan berpuak-puak. Maka diletakkan kemuliaan manusia dengan tiada persamaan dan dilebihkan mereka ke atas urusan agama iaitu ketaatan kepada Allah S.W.T dan mengikut Nabi S.A.W, bahkan yang lebih dimuliakan daripada kalian mereka adalah yang bertaqwa tanpa melihat kepada keturunan.

Manakala menurut Muhammad Mahmud (1992) pula Allah S.W.T menjadikan kamu daripada Adam dan Hawa, menjadikan kamu berbangsa dan berpuak-puak, memberi kemuliaan kepada kamu dengan rupa bentuk dan berjenis-jenis bagi menjadikan demikian kamu saling kenal mengenali. Bahawa sesungguhnya yang dimuliakan oleh Allah adalah yang lebih bertaqwa daripada kalangan kamu. Al-Taqwa merupakan satu perintah yang berteraskan takut kepada Allah dan beramal untuk mendapatkan keredhaanNya. Jelaslah melalui ayat ini bahawa saling mengenal merupakan dasar saling hubungan di antara sesama manusia, bahkan merapatkan hubungan antara manusia dengan TuhanNya. Prinsip saling mengenal harus mereka tegakkan atas dasar akidah dan harus dijaga dengan baik.

Berbalik kepada pengimarah surau dan musala di sekolah-sekolah KPM, maka ia memberi implikasi sama ada positif atau negatif khusus terhadap sesama komuniti. Perlu difahami bahawa setiap usaha yang dilakukan oleh sesebuah sekolah akan dinilai sejauhmanakah surau dan musala itu diimarahkan. Perihal ini akan mencetuskan minat atau sebaliknya di kalangan masyarakat khususnya bagi pelajar yang bukan beragama Islam.

Terkini, pengimarah surau dan musala yang dilakukan oleh sekolah-sekolah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah melibatkan beberapa pengurusan. Ia membabitkan pengurusan pentadbiran, aktiviti, kelengkapan/peralatan, fizikal dan inovasi. Namun konsep sebenarnya adalah amat bergantung kepada hala tuju penubuhan sesebuah surau dan musala. Ia juga bergantung kepada sejauhmanakah objektif yang digarapkan oleh BPI. Adakah ia berjaya atau sebaliknya?

Natijahnya, data yang empirikal memaparkan pengimarah surau dan musala telah memberi implikasi yang baik dalam mengwujudkan jaringan sesama komuniti. Antara implikasinya adalah:

Kesan Pertama: Merapatkan jalinan hubungan di antara sesebuah sekolah dengan sekolah yang lain. Ia berlaku apabila sesebuah sekolah yang telah diangkat menjadi Johan dalam beberapa kategori pastinya akan dilawati oleh sekolah-sekolah yang berada di sekitarnya atau maupun dari sekolah negeri-negeri lain bagi melihat sendiri usaha dan kejayaan sekolah tersebut sehingga diangkat sebagai Johan. Melalui inilah hubungan sesama tenaga pengajar akan bertambah rapat dan sudi mendengar penerangan di antara satu sama lain.

Kesan Kedua: Ia memperkenalkan surau dan musala di sekolah-sekolah KPM ini dengan komuniti antarabangsa. Misalnya seperti temu bual penyelidik dengan Ustaz Mat Hanifah selaku penyelia di Sektor Pendidikan Islam, Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang. Ia seperti berikut: “Ada satu sekolah kita pergi, ada ke luar negara pelajar-pelajar di Jepun *akses* maklumat yang ada dalam portal surau ini dan mereka ingin mendapatkan maklumat-maklumat yang jelas tentang surau itu sendiri yang ni kita jumpa dalam masa kita melaksanakan penilaian ada sekolah bila kita buka je dia punya laman web sampai ke Jepun sampai ke Korea yang baru ni sekolah di penang tu sampai ke Rusia. Inilah jalinan jadi luaslah Jadi alhamdulillah. Tentang surau-surau dan program-programnya jadi memang hebat sampai ke peringkat luar Jadi alhamdulillah pengalaman kita macam di penang ada satu sekolah dia punya konsep surau 6 bahasa. 6 bahasa ni Bahasa Jepun, India, Arab, Cina jadi

hubungannya ada yang sampai ke Rusia, ada yang sampai China. Kebetulan sekolah tu ada pelajar dari France, pelajar ni pun rapat dengan surau, sampai boleh cakap melayu dan sebagainya melalui program surau. Itu yang kita jumpa di penang dalam konteks kamilah.”

Kesan Ketiga: Membina semangat jati diri yang tinggi dan azam yang kuat dalam kalangan tenaga pengajar yang beragama Islam dan bukan beragama bagi memastikan surau dan musala di sekolah mereka dapat diimarahkan dan dibangunkan dengan pelbagai aktiviti dan program yang berbentuk ilmiah dan boleh dimasuki oleh semua peringkat umur dan berbeza agama. Inilah yang merapatkan hubungan sesama komuniti iaitu komuniti sekolah dengan komuniti luar yang terdiri daripada golongan Ibu bapa, NGO dan orang persendirian.

Kesimpulan

Hasil kajian mendapati bahawa program pengimarahkan surau dan musala yang sedang dilaksanakan ini, dapat mengwujudkan kolabaratif sesama tenaga pendidik dan jaringan komuniti luar secara berterusan dan harmoni. Ini menjelaskan bahawa pelbagai program pengimarahkan surau dan musala di sekolah-sekolah KPM yang dipimpin oleh Bahagian Pendidikan Islam, Kementerian Pendidikan Malaysia perlu diteruskan. Ini demi memastikan kesemua sekolah-sekolah KPM sama ada di bandar atau di luar bandar berjaya menghidupkan surau dan musala dengan suasana yang penuh dengan majlis ilmu dan memberi manfaat kepada pelajar dan warga sekolah. Biarlah peringkat awal dalam menghidupkan surau dan musala menemui pelbagai kepayahan dan kesusahan namun usaha yang tidak kenal penat lelah ini akan menjelma setelah melihat anak-anak Islam merasai nikmat dan rasa gembira apabila berada di rumah ibadat ini.

Rujukan

- Abī Jaafar Muḥammad bin Jarīr al- Ṭḥabarī. (1999). *Jāmi’ al-Bayān ‘An Ta’wil Ai al-Qur’an*, juz 9(Beirut: Dār al-Fikr).
- Abi Abdullah Muhammad bin Ahmad bin Abi Bakr al-Qurthubi. (2013). *al-Jāmi’ al-Ahkām al-Qur’ān wa al-Mubīn Limma Tdḥamanahu Min al-Sunnah Wa al-Furqān* (Beirut: Muasasah al-Risālah Nāshirūn), Jilid 10.
- Abī al-Fadhl Syihāb al-Dīn al-Syēd Mahmūd al-Alūsi al-Baghdādī. (1997). *Rūh al-Ma’ānī fī Tafsīr al-Qur’ān al-A’zīm wa al-Sab’u al-Mashāni* (Beirut: Dār- al-fikr), Jilid 10.
- Budiman Mustofa, LC. dan Nurul Chatimah. (2007). ed., *Manajmen Masjid Gerakan Meraih Kembali Kekuatan dan Potensi Masjid* (Surakarta: Ziyad Visi Media).
- Bahagian Pendidikan Islam. (2016). *Instrumen Penilaian Anugerah Surau Imarah Sekolah-sekolah Kementerian Pendidikan Malaysia* (Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia).
- Drs. H. Ahmad Yani. (1999). *Panduan Memakmurkan Masjid* (Jakarta: Dea Press).
- Fakhr al-Dīn Muḥammad bin Omar bin al-Ḥusīn bin al-Ḥasan bin Alī al-Tamīmī al-Bakr al-Rāzī al- Shafīe. (2000). *Al-Tafsīr al-Kabīr au mafātīh al-ghāib* (Beirut: Dār- al-Kutub al-‘ilmiah), Jilid 8.

- Jumhūriya Masr al-Arabiyyāh Wizāratu al-Auqāf al- Majlis al-A'lā Lil Syu'ūn al-Islāmiah lajnah al-Qur'ān wa al-Sunnah, *al- Muntaqab fī Tafsīr al-Qur'ān al-Karīm* (Masr: Muassasah al-Ahrām, t.t.), Jilid 18.
- Kementerian Pendidikan Malaysia,(1994), *Panduan Penilaian Perkara Asas Fardhu Ain*. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Muḥammad bin Alī bin Muḥammad al-Syaukānī. (1995). *Tafsīr Fath Al- Qadīr al- Jāmi' baina Fath al-riwāyah Wa Aldrayah min ilmi al- tafsīr*, juz. 3 (Beirut: al-Maktabah al-Asriyah).
- Mohd Gunawan Che Ab. Aziz. (2008). *Masjid Itu Hidupku* (Kuala Lumpur: Telaga Biru Sdn. Bhd).
- Mohamad Fauzie Mohamad Nur. (1992). *Mengingkari Masjid*, (Alor Setar: Kalam Ilham).
- Mohd Junaidi. (1995). *Keutamaan Adab & Amalan di Masjid*, (Batu Cave: Pustaka Ilmi).
- Mohd Ali Hashimi. (1992) *Keperibadian Muslim*, terj. Haji Tahir Daeng Mengati (Kuala Lumpur: Pustaka Salam Sdn. Bhd).
- Muḥammad 'Alī al-Ṣābūnī. (1996). *Mukthaṣar Tafsīr Ibnu Kathīr* (Kāherah: Dār al-Salām) Jilid 3.
- Muhammad Al-Ghazali, Akhlak Seorang Muslim, Abu Laila & Muhammad Tahir (terj.), (Kuala Lumpur: Victory Agencie,2005).
- Muḥammad al-Rāzī Fakhr al-Dīn bin al-'Alāma Dhia' al-Din Omar, *Tafsir al-Fakhr al-Razi* (Beirut: Dar- al-Fikr, 2002), Jilid 15.
- Nik Azis Nik Pa dan Abd. Hamid, ed., *Islam Hadari: Kekuatan Masjid Dalam Menjana Masyarakat Gemilang* (Selangor: Yayasan Islam Hadhari Putrajaya, 2007).
- Sheikh Abdullah Basmeih (2000), *Tafsir Pimpinan Al-Rahman kepada pengertian Al-Quran* (30 juz.), Darulfikir.
- Syeikh al-Thāifah al-Thūsi, *Tafsīr al-Tibyān*,ed. Aḥmad Ḥabīb Qasīr al-'Amilī (Beirut: Maktabah al-Amīn, 1965), Jilid 5.
- Sayyid Qutb, *Fī Zilāl al-Qur'ān* (Beirut: Dār al- A'rabiyyah, 1954), Jilid 10.
- Said bin Ali bin Wahf Al-Qaṭhāni dan Mohd Puzhi bin Usop, ed., *Masjid Kemuliaan, Fadhilat dan Adab-adabnya* (Selangor:Al-Hidayah Publication, 2010).
- Shaikh Ali Mohammad Mokhtar, *Peranan Masjid Dalam Islam* (terj). (Kuala Lumpur: Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia, 1997).
- Sheikh Muḥammad Mahmūd Hijāzi, *Tafsīr al- Wādhih* (Zaqāzīk: Dar al-Tafsīr, 1992), Jilid 3.
- Wan Mohd Zahid Mohd Nordin, *Menangani Gejala Sosial Dari Perspektif Pendidikan* (Kuala Lumpur: Yakin Jitu Sdn Bhd, 1997).
- Yusuf Al-Qaradhawi dan Dharmadi, ed., terj. Abdul Hayyie al-Kattani, *Tuntutan Membanguan Masjid* (Jakarta: Gema Insani Press, 2000).

Temu bual

- Abd. Rahman bin Che Soh, Penolong Pengarah, Unit Budaya & Syiar Islam, Bahagian Pendidikan Islam, Kementerian Pendidikan Malaysia di pejabatnya pada 05 Januari 2018.
- Arbaenah binti Masud, iaitu Guru Penolong Kanan Pentadbiran, SMK Sri Kukup, Pontian, Johor di pejabatnya pada 22 Oktober 2017.
- Hasnan bin Ismail, iaitu Guru Besar, SK Sg. Marong, Bentong, Pahang di Musalla Al-Taqwa SK Sg. Marong pada 13 November 2017.
- Mazlan bin Latif, iaitu Pengetua SMK Juasseh, Juasseh, Negeri Sembilan di pejabatnya pada 06 November 2017.
- Mohamad Muis bin Mahmut, iaitu Guru Penolong Kanan Pentadbiran SK Sungai Terap, Tanjong Karang, Selangor di pejabatnya pada 30 Oktober 2017
- Mat Hanifah bin Mat Zain, iaitu Penyelia Kanan Unit Pengurusan Dakwah & Syiar Islam, Sektor Pendidikan Islam, Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang di Auditorium Kompleks E, Kementerian Pendidikan Malaysia pada 13 Mac 2018.
- Mohd Azmi bin Mat Hussin, iaitu Guru Besar SK Seri Tasek, Simpang Ampat, Seberang Prai, Pulau Pinang di pejabatnya pada 30 Oktober 2017.
- Mohd Najib bin Nadzar, iaitu Penolong Pengarah Unit Pengembangan Syiar Islam & Budaya, Sektor Pendidikan Islam, Jabatan Pendidikan Negeri Johor di pejabatnya pada 19 April 2018.
- Noraini binti Din, iaitu Guru Besar SK Bandar Tasik Puteri, Rawang, Selangor di Musalla Al- Ikhlas SK Bandar Tasek Puteri pada 2 Oktober 2017
- Norazmi bin Abdul Lajis, iaitu Guru Pendidikan Islam, SMK Juasseh, Negeri Sembilan di pejabatnya pada 06 November 2017.
- Normala binti Hj. Tomadi, iaitu Penolong PPD J-Qaf Pejabat Pendidikan Daerah Kuala Pilah, Negeri Sembilan di pejabatnya pada 10 April 2018.
- Rooslina binti Md Don, iaitu Guru Akademik, SMK Alam Megah 2, Shah Alam, Selangor di pejabatnya pada 21 September 2017.
- Rasidah binti Abu Bakar, iaitu Guru Akademik, SK Sg. Terap , Tanjung Karang, Selangor di pejabatnya pada 13 September 2017.
- Shafie bin Abdullah, iaitu Guru Akademik SK Sungai Marong, Bentong, Pahang di Musalla Al- Taqwa SK Sungai Marong pada 13 November 2017
- Safuan bin Mat Zain, iaitu Penyelia Pengukuhan Budaya dan Nilai Islam, Sektor Pendidikan Islam, Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan di pejabatnya pada 18 September 2017.
- Shopuan Anuar bin Ahmad, iaitu Penolong Pengarah Kanan, Pengurusan Dakwah, Sektor Pendidikan Islam, Jabatan Pendidikan Negeri Selangor di pejabatnya pada 30 Ogos 2017.

Siti Halidah binti Ngadimon, iaitu Guru Pendidikan Islam, SMK Alam Megah 2, Shah Alam, Selangor di pejabatnya pada 21 September 2017.

Zarina binti Mahyuddin, iaitu Guru Pendidikan Islam SK Sungai Marong, Bentong, Pahang di Musalla Al- Taqwa SK Sungai Marong pada 13 November 2017